


UTAMA SEMASA

# TDM Terus Cemerlang

Hafiz Rosli 18 Jun 23 01.50 PTG 288

Utama > Semasa

KUALA TERENGGANU, 18 Jun – TDM Berhad yang merupakan anak syarikat (GLC) Terengganu terus mengekalkan prestasi cemerlang dalam operasi kerja dan perancangan masa depan.

Ketua Pegawai Eksekutif TDM Plantation Sdn Bhd, Hamdan Ibrahim berkata prestasi TDM terus meningkat seperti pada tahun kewangan 2022, TDM berjaya mencatatkan hasil tertinggi dalam sejarah iaitu sebanyak RM 614.4 Juta.

"Bagi meningkatkan lagi prestasi kedua-dua sektor TDM iaitu perladangan dan kesihatan itu beberapa usaha telah dilaksanakan oleh TDM Berhad.

"Sektor Perladangan, TDM dengan kerjasama Concord Biotech Sdn Bhd telah membina 2 loji janakuasa biogas di Kemaman dan Sungai Tong.

"Loji janakuasa itu mampu menghasilkan tenaga boleh diperbaharui sebanyak 29,784,000 kilowatt per jam setiap tahun.

"Selain itu, TDM bersedia untuk memulakan program penanaman semulanya dengan menyasarkan 1,977 hektar tanah pada tahun kewangan semasa yang bertujuan untuk menambah baik profil umur pokok," jelasnya.

Beliau berkata demikian ketika Siaran Langsung Bicara Jabatan di TV Darul Iman di sini baru-baru ini.

Tambah Hamdan, dalam sektor penjagaan kesihatan pula kumpulan ini telah berjaya mengambil alih Hospital Pakar Tawau dan menjenamakan semula sebagai KMI Tawau Medical Centre.

"Setelah mendapat permintaan yang tinggi, TDM telah mengambil langkah memulakan pembinaan sambungan baharu di KMI Tawau.

"Pembangunan ini akan menambah kapasiti sebanyak 52 katil ke hospital dan dijadualkan siap menjelang 2024," katanya.

Manakala, Pusat Perubatan KMI Kuantan akan meningkatkan kapasitinya dengan perancangan baharu untuk menambah 80 katil lagi.

Beliau berkata, beberapa inisiatif pendigitalan seperti menaik taraf sistem maklumat hospital dan pendigitalan sistem rekod perubatan elektronik ("EMR") telah dilaksanakan untuk meningkatkan kecekapan operasi dan penglibatan pesakit.

"Projek perintis yang melibatkan iWard, penyelesaian pengurusan wad pintar, telah dijalankan di Pusat Perubatan KMI Kelana Jaya," ujarnya.

Tag:

Berita Terkini
SMK Bukit Sawa Perintis Pendidikan Pesawat Udara Tanpa Pemandu
Sambutan Luar Biasa Harimau Malaya di Terengganu
Perantau Gembira, Mahu Kerajaan Sedia Ada Kekal
Pelancongan Berkaitan Penyu di Terengganu Kembali Rancak
Sultan Mizan Sukacita Perkembangan Pelaburan di Terengganu

PALING POPULAR
1 Sekatan Jalan Raya Dikuatkuasakan Di Seluruh Terengganu
2 Gadis Terengganu Dinobat Pelajar Ketujuh Terbaik Dunia
3 'Ingatkan Panas Hingga Ke Petang, Rupanya...' - Rintih Dr Nor Azimi
4 PKPB: Lima Sekatan Jalan Raya Di Terengganu
5 Empat Kluster Baharu Muncul Di Terengganu Dalam 48 Jam

Artikel Berkaitan



Sultan Mizan Sukacita Perkembangan Pelaburan di Terengganu
19 Jun 2023



Pasangan Suami Isteri Warga Emas Maut Dalam Kemalangan Di LPT2
19 Jun 2023



TDM Sedia Rizab 514 Hektar Tanah Untuk Program Releaf Nestle Malaysia
19 Jun 2023



SUK, Exco Terengganu Terima Darjah Kebesaran
18 Jun 2023

A picture is worth a thousand words. Follow us on Instagram.
FOLLOW TRDI
Don't miss out on the Latest News
We won't spam you and we respect your privacy.
Your Email SUBSCRIBE
TRDI on Youtube
Subscribe to our Youtube channel for all latest in-depth, on the ground reporting from around the world.
SUBSCRIBE
TRDI on Facebook
LIKE
FOLLOW FOLLOW